

# Rapat hubungan, kongsi idea kejayaan

**GABUNGAN** Wawasan Generasi Felda (GWGF) menganjurkan Majlis Ramah Mesra dengan ahli-ahli PERSADA dari universiti tempatan bersama-sama ikon generasi baharu Felda, Tan Sri Rozali Ismail yang merupakan Presiden GWGF bagi berkongsi kejayaan dalam bidang perniagaan dan dunia korporat.

Majlis ramah mesra berlangsung di Masjid Puncak Alam, Selangor dari pukul 9 pagi sehingga 2 petang itu berjaya menarik penyertaan seramai 120 siswa dan siswi terdiri daripada pelajar Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang merupakan anak kelahiran Felda dari seluruh negara.

Majlis yang dianjurkan bertujuan mera-patkan hubungan antara ahli-ahli PERSADA Universiti dan ahli-ahli GWGF, khususnya Ahli Majlis Tertinggi GWGF dan Pengurus serta AJK persatuan gabungan yang dipimpin oleh Rozali Ismail yang merupakan anak kelahiran Felda Gedangsa, Selangor.

Pada majlis yang berlangsung serba

Semua peserta yang telah tamat pengajian dalam bidang yang berkaitan boleh memohon untuk penempatan kerja di kedua-dua syarikat berkenaan pada masa akan datang, dan dianggap memberi peluang yang baik kepada para peserta yang terlibat

Puncak Alam, Selangor dan Syarikat Arena Terbaik Sdn. Bhd. yang memberi fokus kepada

## MAJLIS RAMAH MESRA IKON GENERASI FELDA BERSAMA GENERASI BARU FELDA UM, UKM & UPM

Tarikh : 22 November 2014

Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang

Tempat : Masjid Puncak Alam, Shah Alam

### ANJURAN BERSAMA



Puncak Alam

sederhana tetapi penuh bermakna itu, para peserta diberikan

penerangan dan peluang pekerjaan oleh

Syarikat Puncak Alam

Housing Sdn. Bhd. yang

memfokuskan pembangunan di

Puncak Alam, Selangor dan Syarikat Arena

Terbaik Sdn. Bhd. yang memberi fokus kepada

penyelenggaraan kendaraan.

Kesemua peserta yang telah tamat pengajian dalam bidang yang berkaitan boleh memohon untuk penempatan kerja di kedua-dua syarikat berkenaan pada masa akan datang, dan dianggap memberi peluang yang baik kepada para peserta yang terlibat.

Dalam majlis tersebut, Rozali Ismail telah berkongsi tentang kejayaan beliau dalam dunia perniagaan dan bidang korporat yang melonjakkan namanya sebagai salah seorang anak Felda yang berjaya.

Majlis tersebut juga secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pelajar, khu-

susnya generasi baharu Felda untuk berjaya dalam bidang pendidikan dan dapat menaikkan nama Felda, di samping mampu meningkatkan keyakinan para pelajar dari Felda untuk melakar kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi sekiranya mempunyai semangat juang tinggi.

Sambutan majlis ramah mesra yang merupakan program pertama dianjurkan pada tahun ini amat meriah dan berdasarkan perancangan, program ini akan diteruskan lagi oleh GWGF pada masa akan datang dengan melibatkan institut pengajian tinggi awam dan swasta yang lain.